

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS MENANDATANGANI NOTA
KERJASAMA STRATEGIK ANTARA
JABATAN**

**PERTANIAN MALAYSIA DAN
ANGKASA – KERJASAMA
PEMBANGUNAN AGROMAKANAN
NEGARA**

**14 JUN 2023 (RABU)
11.00 PAGI
DEWAN DATO' MOHD ALI
BAHAROM, ANGKASA**

Bismillahirrahmannirrahin
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Madani,

(SALUTASI)

1. Setinggi-tinggi kesyukuran
dipanjatkan kepada Allah S.W.T
kerana kerana dengan izin dan

limpah kurniannya kerana pada hari ini kita semua diberikan peluang untuk berkumpul bersama pada pagi ini bagi menyaksikan termeterainya Nota Kerjasama Strategik antara Jabatan Pertanian Malaysia dengan ANGKASA berkenaan Kerjasama

Pembangunan Agromakanan
Negara.

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Jabatan Pertanian Malaysia yang hadir pada pagi ini. Perjumpaan kita pada hari ini adalah satu inisiatif penting dalam memperkukuh

hubungan kerjasama antara gerakan koperasi melalui ANGKASA dan juga agensi yang berperanan penting dalam pembangunan industri agromakanan negara.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

3. Pertanian merupakan sektor penting dalam pembangunan negara, dan peranan koperasi sebagai entiti ekonomi yang berdaya maju dalam sektor ini harus sentiasa diketengahkan. Kerjasama yang terjalin antara Jabatan Pertanian Malaysia dan ANGKASA akan memberikan

landasan yang kukuh untuk pembangunan pertanian yang berkesinambungan, meningkatkan pendapatan petani, dan meningkatkan penyertaan koperasi dalam aktiviti pertanian.

4. Ikatan kerjasama strategik ini merupakan kesinambungan

daripada usahasama yang telah dilakukan oleh ANGKASA bersama pihak Jabatan Pertanian bagi membantu gerakan koperasi di bawah ANGKASA untuk turut terlibat dalam industri agromakanan subsektor tanaman.

5. Antara kerjasama yang pernah dilaksanakan bersama Jabatan Pertanian Malaysia termasuklah dalam Projek Pembangunan Tanaman Jagung Bijian pada tahun 2019.

6. Kita telah mengenalpasti tanah – tanah milik koperasi atau anggota

dengan sasaran jumlah keluasan sebanyak 4,000 hektar untuk dimajukan dengan tanaman jagung bijian. Data tanah koperasi yang diperoleh dihantar kepada pihak Jabatan Pertanian Malaysia untuk dinilai dan dilaksanakan ujian analisa tanah bagi mengetahui

kesesuaian tanah tersebut untuk tanaman jagung bijian.

7. Buat masa ini, ANGKASA melalui Seksyen Pertanian dan Perladangan masih dalam proses mengumpul dan mengemaskini data-data yang diperoleh daripada koperasi-koperasi yang

berminat untuk melaksanakan
Projek Pembangunan Tanaman
Jagung Bijian.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

8. ANGKASA juga turut bekerjasama dengan Unit Pembangunan Industri

Florikultur, Seksyen Komoditi Bernilai Tinggi, Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Putrajaya dalam Projek Ladang Eksport Orkid ke Dubai (LEOD). ANGKASA turut memainkan peranan dalam mempromosikan projek tersebut kepada gerakan koperasi di seluruh Malaysia.

9. Koperasi dan pemain industri yang terlibat dengan projek ini boleh mendapatkan perkhidmatan pembiayaan dan pinjaman melalui institusi kewangan iaitu Export – Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dengan jumlah pinjaman maksimum sehingga RM10 juta tanpa cagaran dan

kadar faedah 5% setahun bagi tempoh pembayaran selama 10 tahun (120 bulan).

10. Sebagai permulaan, dua buah koperasi telah menunjukkan minat untuk menyertai projek tersebut secara berkelompok dengan penanaman orkid jenis Mokara

untuk diekspor ke Dubai secara
bunga keratan dalam bentuk kotak
hadiah

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

11. Kerjasama strategik antara
Jabatan Pertanian Malaysia dan

ANGKASA ini juga dapat memperluaskan jaringan perhubungan antara Jabatan Pertanian Malaysia dan ANGKASA di sepanjang rantai nilai industri agromakanan negara.

12. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

pada tahun 2019, tanaman / komoditi yang mempunyai kadar sara diri (SSR) yang rendah dan patut diberikan fokus dan keutamaan termasuklah halia (16.2%), cili (30.8%), kobis bulat (36.2%), mangga (32.1%) dan kelapa (68.2%). Kadar kebergantungan import (IDR) bagi

tanaman seperti halia adalah 84.3%, cili (73.6%), kobis bulat (65.4%), mangga (73.5%) dan kelapa (32.2%). Statistik ini menunjukkan bahawa pengeluaran hasil negara kita bagi komoditi tertentu adalah masih rendah dan masih bergantung terhadap import luar.

13. ANGGKASA dan gerakan koperasi khususnya menyokong penuh dan menyahut seruan kerajaan dalam memastikan agenda keterjaminan makanan dapat direalisasikan melalui peningkatan pengeluaran hasil tanaman yang difokuskan dan diberikan keutamaan oleh Jabatan Pertanian Malaysia terutamanya

tanaman yang mempunyai kadar sara diri (SSR) yang rendah.

14. Dengan termeterainya kerjasama ini, Jabatan Pertanian Malaysia dan ANGKASA akan bekerjasama dalam memperkasakan koperasi pertanian dengan menggalakkan

anggota koperasi agar lebih proaktif dalam penghasilan produk agromakanan. Antara projek yang diberikan tumpuan oleh Seksyen Pertanian dan Perladangan ANGKASA termasuklah Projek Pembangunan Tanaman secara Fertigasi (cili).

15. Kaedah pelaksanaan projek ini adalah secara mentor-mentee di mana koperasi (mentee) yang terlibat akan menjalankan projek tanaman dan dibimbing oleh konsultan yang telah dilantik sebagai mentor projek tersebut

16. Koperasi mentee yang telah mencapai sasaran pengeluaran hasil iaitu sekurang-kurangnya 2-kilogram hasil bagi setiap polibeg serta memenuhi beberapa kriteria lain akan dilantik sebagai mentor kepada koperasi mentee yang baharu menyertai projek ini. Koperasi yang menyertai projek ini

juga perlu memastikan terdapat peningkatan hasil sebanyak 2% bagi pusingan tanaman yang seterusnya.

17. Sehingga Jun 2023, sebanyak 21 koperasi di bawah ANGKASA telah terlibat secara langsung bagi projek ini di seluruh Malaysia di mana 2

koperasi telah berjaya dilantik sebagai mentor. Selain itu, satu pusat pengumpulan telah dibangunkan iaitu di tapak Koperasi Peserta-Peserta Gugusan Felcra Sri Mendapat Melaka Berhad yang terletak di Merlimau, Jasin, Melaka dan telah mula beroperasi bermula Mei 2023. Pihak Jabatan

Pertanian turut berperanan dalam menjayakan Projek Tanaman secara fertigasi ini terutamanya dari segi pemantauan ke tapak projek secara berkala.

**Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,**

18. Melalui hubungan kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian dan ANGKASA, gerakan koperasi di bawah bimbingan ANGKASA berpeluang untuk memohon bantuan dan kemudahan berbentuk geran dan insentif yang ditawarkan bagi menjalankan projek-projek pertanian

berdasarkan skop, syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pertanian.

19. Perkongsian dan pemindahan teknologi serta inovasi tanaman atau pengeluaran produk kepada golongan sasaran juga dapat dilaksanakan melalui kerjasama ini.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati
Sekalian,

20. Adalah diharapkan bahawa kerjasama ini akan membantu meningkatkan akses kepada teknologi pertanian moden, pengeluaran pertanian yang berkesan, pengurusan risiko dalam

sektor pertanian, dan mempromosikan pembangunan lestari dan inovasi dalam pertanian.

21. Saya penuh yakin bahawa melalui usaha bersama dan sinergi antara gerakan koperasi di bawah ANGKASA dan Jabatan Pertanian Malaysia, kita akan dapat

mencapai kecemerlangan dalam sektor pertanian dan meningkatkan taraf hidup petani serta masyarakat setempat.

22. Harapan saya supaya usaha ini mampu melestarikan ekosistem industri agromakanan negara dengan meningkatkan prestasi

rangkaian di semua aktiviti pertanian termasuk yang berkaitan pengeluaran, pemprosesan, pemasaran dan pengedaran khususnya melibatkan gerakan koperasi.

23. Akhir kata, semoga kerjasama strategik ini menjadi titik tolak yang

bermakna bagi pembangunan agromakanan negara dan koperasi berperanan lebih aktif dalam membantu kerajaan dalam isu keterjaminan makanan.

Sekian. Wabillahittaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.